

16 MAY 2003

Simposium-Mahathir/I

PARA CENDEKIAWAN KRITIK BARAT CAMPURTANGAN DALAM HAL EHWAL ISLAM

Oleh: Shakir Husain

ABU DHABI, 16 Mei (Bernama) -- Para cendekiawan mengkritik kuasa Barat kerana campurtangan dalam hal ehwal negara-negara Islam pada satu simposium di sini yang memberi fokus terhadap dasar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Para penceramah pada simposium sehari itu memberi amaran terhadap kempen permusuhan yang bertujuan mengembangkan budaya Barat ke atas dunia Islam serta cubaan untuk melemahkan perpaduan Islam.

Seminar anjuran Pusat Penyelarasan dan Susulan Zayed yang berpusat di sini pada Rabu, membincangkan sumbangan Malaysia terhadap pembangunan ekonomi atau negara Islam.

Simposium itu juga membincangkan kejayaan Malaysia mengatasi krisis ekonomi pada tahun 1997 serta menonjolkan langkah-langkah yang diambilnya bagi memulihkan keadaan ekonomi.

Para penceramah itu juga ramai yang memberi tumpuan perbincangan kepada kerjaya politik Dr Mahathir dan pencapaiannya sejak dua dekad yang lalu.

Mereka berkata Malaysia menikmati banyak manfaat daripada wawasan politik Dr Mahathir.

Pengarah Eksekutif Pusat Zayed Mohammed Kalifa Al Murrar berkata peralihan Malaysia dari kemunduran sebuah negara Asia kepada cerita kejayaan ekonominya membuatkan sebilangan kuasa besar, cuba merosakkan kejayaan itu kerana ia dilihat sebagai ancaman utama kepada mereka.

Katanya walaupun menghadapi beberapa gangguan semasa krisis ekonomi, Malaysia berjaya meneruskan pelan pembangunannya.

Mohamed Kalifa berkata kemunculan Malaysia sebagai kuasa ekonomi mungkin tidak menjadi satu kenyataan tanpa visi Dr Mahathir.

Antara penceramah utama simposium itu ialah presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Sanusi Junid dan Profesor Syed Ahmed Hussein dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Datuk Syed Hussein Al Habshee berkata: "Semua orang tahu penerusan kempen permusuhan yang dilakukan oleh sebilangan pihak terhadap dunia Arab dan Islam."

"Tetapi tiada seorang pun, termasuk media Barat, boleh menafikan kemajuan yang dicapai oleh Malaysia di bawah kepimpinan Dr Mahathir," katanya.

Syed Ahmed menggambarkan visi Dr Mahathir sebagai ideologi yang mempunyai ciri tersendiri dan koheren yang dibina mengikut sifat nasionalisme, kapitalisme, Islam dan populariti.

Beliau meminta negara-negara Islam besar supaya mengambil tindakan bersama bagi mewujudkan Dinar Islam.

Dunia Islam harus "menjemput Dr Mahathir bagi memimpin "Kumpulan Wawasan Dunia Islam" yang terdiri daripada kumpulan tokoh cendekiawan Islam, pemikir, saintis dan ketua industri bagi merenungkan rangka tindakan masa depan ke arah membentuk kerjasama di kalangan negara Islam dan penduduknya," katanya.

Sanusi pula mengecam Amerika Syarikat dengan berkata objektif Amerika di Iraq adalah untuk membina empayar dunia dengan menggunakan hasil Iraq, sambil menuduh Barat sebagai berpura-pura terhadap persoalan demokrasi.

Katanya Barat tidak mahu demokrasi dalam dunia Islam kerana "dengan mengamalkan demokrasi, katakan di Iraq, akan hanya menuju kepada pembentukan negara Islam yang datang daripada semangat rakyat yang tidak berpihak kepada kepentingan Amerika."

Sanusi menggesa negara Islam supaya mengambil manfaat daripada pengalaman Malaysia dalam mengamalkan demokrasi yang berkembang secara evolusi dan tanpa bergantung pada orang lain.

Beliau berkata model Malaysia adalah berasaskan kewujudan bersama pelbagai bangsa dan agama yang hidup aman dalam sebuah negara.

Demokrasi di Barat pula mengalami banyak kecacatan seperti pengaruh syarikat perniagaan besar terhadap proses politik, katanya.

-- BERNAMA

SKH MFJ DC RON